

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang pendekatan dan tarikan dakwah Ismail Lutfi Japakiya di Selatan Thailand. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui realiti sebenar masyarakat Islam di Selatan Thailand, pendekatan dakwah Ismail Lutfi Japakiya serta mengetahui faktor yang menjadi tarikan kepada sasaran dalam dakwah beliau. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Borang soal selidik, temubual dan pemerhatian dilakukan untuk memenuhi kaedah penyelidikan. Sebanyak 258 set soal selidik diedarkan melibatkan golongan masyarakat Islam di Selatan Thailand yang terlibat dengan pengajian kuliah mingguan di *Majlis al-'Ilm Faṭānī*, *Majlis al-'Ilm* Universiti Islam Yala dan golongan pelajar di Universiti Islam Yala. Hasil kajian mendapati pendekatan dakwah yang digunakan oleh Ismail Lutfi Japakiya adalah dakwah mendekati pemimpin masyarakat, dakwah *bi al-ḥal*, dakwah secara lisan, penulisan, pendidikan dan media elektronik. Daripada pendekatan dakwah tersebut, pendekatan pendidikan dilihat lebih dekat dan menyeluruh kepada seluruh lapisan masyarakat jika dibandingkan dengan pendekatan yang lain. Di samping itu juga, pendekatan pendidikan telah memberi faedah yang sangat besar kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand. Manakala hasil kajian mengenai faktor yang menjadi tarikan kepada sasaran dalam dakwah Ismail Lutfi Japakiya yang dilihat dari tiga aspek iaitu; 1) Faktor pada personaliti, didapati faktor tarikan utama adalah ceramah, kelulusan akademik, akhlak umum, ilmu, kecerdikan dan suara; 2) Faktor pada isi penyampaian, didapati faktor tarikan utama adalah tafsir al-Quran; 3) Faktor pada gaya persembahan mesej, didapati faktor tarikan utama adalah menggalakkan berbuat baik dan mengingati nikmat Allah SWT. Kajian ini diharapkan dapat membantu mempertingkatkan dan memantapkan lagi cara berdakwah dan kualiti daya tarikan bagi golongan pendakwah khususnya pendakwah di Selatan Thailand dalam menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran.

ABSTRACT

This study discusses the approaches and attractions of Ismail Lutfi Japakiya's da'wah in Southern Thailand. The purpose of this research is to know the reality of the Muslim community in Southern Thailand, approaches of Ismail Lutfi Japakiya's da'wah and also the factor of attraction in his da'wah. The methods used in this research are library and field. Sets of questionnaire, interviews and observation were conducted to further meet the needs of the research methods. As many as 258 sets of questionnaire were distributed to the people in Southern Thailand. Those who involved in the questionnaire were from *Majlis al-'Ilm Faṭānī* , *Majlis al-'Ilm* Yala Islamic University and students from Yala Islamic University. The approaches of da'wah that have been implemented by Ismail Lutfi Japakiya are da'wah towards the community leaders, da'wah *bi al-ḥal*, speech, writing, education and media of electronic. From the approaches of da'wah, educational approach can be seen more closely and comprehensively to the whole society when compare with other approaches. In addition, the educational approach has been a huge benefit to the Muslim community Southern Thailand. Base on this study, the attraction factors of Ismail Lutfi Japakiya's da'wah can be seen from three factors; 1) Personality, it is found that the main attractions are through his lectures, academic qualification, general behaviour, knowledge, ingenuity and voice; 2) Contents of presentation, it is found that the main attraction is tafsir al-Quran; 3) Method of presentation, the main attractions are the encouragement of doing good deeds and remembering the gifts and all the provisions from Allah SWT. This research hopes to enhance qualities of attraction mainly for preachers in Southern Thailand in order to attract and to influence their object of da'wah.